



قِبَّاتِ إِسْتِيَاءٍ وَسَهَا سَرَاجَاءُ جَوَهْرِ بِهَاكِيرِ خَدْمَتْ فَشُورُوسْن

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN,
ARAS 1, BANGUNAN DATO' JAAFAR MUHAMMAD,
KOTA ISKANDAR, 79503 ISKANDAR PUTERI, JOHOR

Telefon: Pejabat Am: 07-266 6070/71

Faks: 07-290 9955 (TSUK)/07-290 9022 (Pentadbiran)/07-290 8077 (Kewangan)

Laman Web: www.johor.gov.my/sukj

Rujukan Kami : SUKJ.BKP.100-1/3/1 (10)
Tarikh : **16** November 2023

**Semua Jabatan Negeri / Persekutuan Johor
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor
Semua Badan Berkanun Negeri / Persekutuan Johor
Semua Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri / Persekutuan Johor
Semua Agensi Swasta dan Badan Pertubuhan Bukan Kerajaan**

Yang Berhormat Dato' / Yang Berhormat Datin Paduka / Ydh Dato' / YAA / YM Ungku / Tuan / Puan,

PEKELILING AM KERAJAAN NEGERI JOHOR BILANGAN 3 TAHUN 2023 PANDUAN PEMAKAIAN DARJAH KEBESARAN DAN PINGAT MENGIKUT KEPADA PROTOKOL NEGERI JOHOR

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Johor di mesyuaratnya pada **2/8/2023** menimbangkan Ringkasan Mesyuarat Bil. 1518/2023 iaitu Kertas Bil. (2) telah **BERSETUJU** dengan Panduan Pemakaian Darjah Kebesaran Dan Pingat Mengikut Kepada Protokol Negeri Johor dan dijadikan sebagai Pekeliling Am Kerajaan Negeri Johor.

3. Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Johor **JUGA BERSETUJU** agar Pekeliling Am Kerajaan Negeri Johor berkaitan Panduan Pemakaian Darjah Kebesaran Dan Pingat Mengikut Kepada Protokol Negeri Johor hendaklah dipatuhi oleh Jabatan Negeri dan Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-Badan Berkanun Negeri dan Persekutuan serta semua agensi di negeri Johor.

... 4. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Am Kerajaan Negeri Johor Bilangan 3 Tahun 2023, Panduan Pemakaian Darjah Kebesaran Dan Pingat Mengikut Kepada Protokol Negeri Johor untuk makluman dan tindakan Yang Berhormat Dato' / Yang Berhormat Datin Paduka / Ydh Dato' / YAA / YM Ungku / Tuan / Puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(TAN SRI DATO' DR. HAJI AZMI BIN ROHANI)
Setiausaha Kerajaan
Johor

HIHA/FJ/NFJ/MAS/fatin/SUKJ.BKP.100-1/3/1 (10)

“ PENYAMPAIAN BERKESAN RAKYAT SEJAHTERA ”



**PEKELILING AM KERAJAAN NEGERI JOHOR
BILANGAN 3 TAHUN 2023**

**PANDUAN DAN PERATURAN PEMAKAIAN DARJAH KEBESARAN DAN PINGAT
MENGIKUT KEPADA PROTOKOL NEGERI JOHOR**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada penjawat awam dan orang awam berkenaan Panduan Dan Peraturan Pemakaian Darjah Kebesaran Dan Pingat Mengikut Kepada Protokol Negeri Johor.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Jumaah Majlis DiRaja Johor Bil 8/2022 pada 6 September 2022 telah membentangkan Kertas JMD Bil 8/2022 seterusnya bersetuju dan mengesyorkan Kerajaan Negeri mengeluarkan pekeliling terhadap Panduan Dan Peraturan Pemakaian Darjah Kebesaran Dan Pingat Mengikut Kepada Protokol Negeri Johor untuk mengelakkan kekeliruan pihak awam.
- 2.2 Undang-undang dan Peraturan Darjah 1886 telah menetapkan waktu dan cara memakai Darjah.

3. ETIKA PEMAKAIAN DARJAH

3.1 DARJAH

3.1.1 Susunan kekananan Darjah Johor adalah seperti berikut:

- 3.1.1.1 Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama **DK I**;
- 3.1.1.2 Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Kedua **DK II**;
- 3.1.1.3 Dato' Sri Paduka Mahkota Johor **SPMJ**;
- 3.1.1.4 Dato' Sri Setia Sultan Ismail Johor **SSIJ**;
- 3.1.1.5 Dato' Sri Mulia Sultan Ibrahim Johor **SMIJ**;
- 3.1.1.6 Dato' Paduka Mahkota Johor **DPMJ**;
- 3.1.1.7 Dato' Setia Sultan Ismail Johor **DSIJ**;
- 3.1.1.8 Dato' Mulia Sultan Ibrahim Johor **DMIJ**;
- 3.1.1.9 Setia Mahkota Johor **SMJ**;
- 3.1.1.10 Setia Mulia Sultan Ibrahim Johor **SIJ**.

3.1.2 Huruf ringkas bagi darjah SPMJ, SSIJ, SMIJ, DPMJ, DSIJ, DMIJ, SMJ dan SIJ boleh ditulis selepas nama penerima.

3.2 PANGKAT PERTAMA DARJAH

3.2.1 Kalung bagi Pangkat Pertama Darjah dipakai pada **Hari Kalung** iaitu:

- 3.2.1.1 Dalam segala dan setiap istiadat pengurniaan darjah.
- 3.2.1.2 Ulang Tahun Hari Keputeraan Raja.
- 3.2.1.3 Ulang Tahun Hari Penzahiran Darjah.
- 3.2.1.4 Istiadat Kemahkotaan Raja.
- 3.2.1.5 Bila-bila diperintahkan oleh Raja.

3.2.2 Etika pemakaian darjah pada Hari Kalung:

- 3.2.2.1 Tentukan kalung dipakai sama panjang iaitu dari bahu kiri dan kanan tidak melepas dada di sebelah hadapan. Jika memakai uniform istiadat kalung dipakai di bawah *epaulet*.
- 3.2.2.2 Bintang kecil (*collar badge*) digantung di hujung kalung.
- 3.2.2.3 Bintang besar (*breast star*) dipasang di dada kiri di bawah garisan kocek.
- 3.2.2.4 Jika menjadi ahli pangkat pertama bagi dua atau lebih darjah:
 - 3.2.2.4.1 Kalung darjah utama sahaja dipakai,

- 3.2.2.4.2 Kain selempang dengan bintang kecilnya bagi satu darjah yang lain mengikut keutamaan,
- 3.2.2.4.3 Bintang besar darjah utama dipasang di dada kiri,
- 3.2.2.4.4 Bintang besar darjah lain dipasang dibawahnya (tidak melebihi 3 darjah) disusun mengikut keutamaan dijadikan bentuk segi tiga.
- 3.2.2.4.5 Bintang kecil darjah lain digantung di leher dengan tali pitanya, mengikut keutamaan, tetapi tidak melebihi tiga darjah.

3.2.3 Etika pemakaian darjah selain Hari Kalung:

Dalam majlis istiadat di mana Raja berangkat, seperti Perasmian Penggal Persidangan Dewan Negeri, Majlis Jamuan Negeri, Istiadat Perkahwinan DiRaja, dan Istiadat Pemakaman DiRaja:

- 3.2.3.1 Kain selempang dipakai (menggantikan kalung) dari atas bahu kanan jatuh ke bawah pinggang kiri dengan bintang kecilnya digantung diujung kain selempang. Jika memakai uniform istiadat, kain selempang di bawah *epaulet*. Jika memakai *messkit*, kain selempang di atas kemeja putih, bengkong atau *waistcoat*.

3.2.3.2 Bintang besar dipakai di bawah garisan kocek dada kiri. Jika menjadi ahli pangkat pertama lebih dari satu darjah:

3.2.3.2.1 Kain selempang darjah utama sahaja dipakai.

3.2.3.2.2 Bintang besar darjah utama diletakkan sebelah atas bintang besar darjah lain, tidak lebih dari tiga darjah, dan berbentuk tiga segi.

3.2.3.2.3 Bintang kecil digantung dileher dengan tali pitanya mengikut keutamaan tetapi tidak melebihi tiga darjah.

3.3 PANGKAT KEDUA DARJAH

3.3.1 Pada Hari Kalung, Hari Kebesaran Negeri dan Istiadat Pemakaman DiRaja :

3.3.1.1 Memakai bintang besar di dada kiri di bawah garisan kocek, dan bintang kecil digantung dengan kain pitanya di leher.


3.3.1.2 Sekiranya menjadi ahli pangkat kedua bagi lebih dari satu darjah, bintang besar darjah utama diberi keutamaan dan bintang besar yang lain dipasang di bawahnya, tidak melebihi 3 darjah dan disusun berbentuk segitiga.

3.3.1.3 Bintang kecil digantung dengan pitanya dileher mengikut keutamaan, tidak melebihi tiga darjah.

3.4 PANGKAT KETIGA DARJAH

3.4.1 Memakai tanda kebesaran di dada kiri satu inci di atas garisan kocek baju pada hari dan waktu sebagaimana di atas.

3.4.2 Tanda kebesaran ini dipakai sebaris dengan pingat yang diterima, dengan keutamaan kepadanya.



Tatacara Pakaian Seragam No. 1 / Pakaian Darjah / Pakaian Mess Kit

4. ETIKA PEMAKAIAN PINGAT

4.1 PINGAT

4.1.1 Susunan kekananan Pingat Johor adalah seperti berikut:

4.1.1.1 Pingat Lama dan Baik Dalam Perkhidmatan **PLP** ;

4.1.1.2 Pingat Jasa dan Lama Dalam Pekerjaan **PJP** ;

4.1.1.3 Pingat Ibrahim Sultan **PIS**

Pangkat I, Pangkat II dan Pangkat III ;

4.1.1.4 Bintang Sultan Ismail **BSI**;

4.1.1.5 Pingat Sultan Ibrahim Johor **PSI**

Pangkat I, Pangkat II dan Pangkat III ;

4.1.1.6 Pingat Kemahkotaan Sultan Ibrahim Johor.

4.1.2 Huruf ringkas bagi pingat PLP dan PJP boleh ditulis selepas nama penerima. Huruf ringkas PIS, BSI dan PSI (ditulis tanpa pangkat) ditulis selepas nama penerima pangkat I dan II sahaja.

4.1.3 Etika memakai pingat adalah seperti berikut :

4.1.3.1 Pingat dipakai pada garisan satu inci di atas kocek kiri baju Melayu, *lounge suit* atau tunik uniform istiadat. Sekiranya lebih dari satu pingat hendaklah diatur mengikut susunan kekananan. Aturkan pingat-pingat atas satu *backing* yang keras untuk lebih

kemas dan tersusun. Pegawai dan anggota Timbalan Setia Negeri (ATSN), angkatan bersenjata dan polis memakai reben menggantikan pingat untuk uniform harian.

- 4.1.3.2 Pingat kecil *miniatures* dipakai pada sebelah malam dalam majlis formal, di atas lapel kiri *mess kit* atau *lounge suit*, atau di atas garisan kocek baju Melayu.

5. ETIKA BERPAKAIAN DI MAJLIS ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH DAN PINGAT DI DAERAH

- 5.1 Semua Pegawai Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor dan semua Penghulu serta mereka yang berhak yang berkhidmat di daerah tersebut memakai uniform istiadat, berserta dengan darjah dan pingat jika ada.
- 5.2 Pegawai Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor dari luar daerah itu yang hadir sebagai dif tidak memakai uniform istiadat. Mereka memakai Baju Melayu Telok Belanga warna hitam. Darjah dan pingat tidak dipakai.

6. LARANGAN

- 6.1 Tidak dibenarkan memakai uniform istiadat serta darjah dan pingat Johor dalam mana - mana majlis persendirian.
- 6.2 Memakai uniform istiadat serta darjah dan pingat Johor di majlis istiadat negeri lain tidak dibenarkan melainkan dengan titah perkenan raja.
- 6.3 Kalung darjah dipakai pada Hari Kalung Johor sahaja.

- 6.4 Fasal 11 Undang-undang dan Peraturan Darjah menetapkan apabila ahli darjah dinaikkan pangkat darjah yang sama, hanya pangkat tertinggi dipakai. Semua bintang darjah yang rendah hendaklah dikembalikan kepada istana.
- 6.5 Peraturan ini termasuk menggunakan huruf ringkas selepas nama ahli. (Berbeza dengan peraturan Persekutuan di mana semua huruf ringkas darjah yang diterima ditulis selepas nama penerima)
- 6.6 Mulai tahun 2010 mengikut Fasal 11 waris ahli hendaklah memulangkan bintang, bintang kecil, kalung dan kain selempang darjah (mana yang berkenaan) kepada istana selepas kematian ahli. Satu pendua darjah akan dikurniakan kepada waris untuk dijadikan khazanah keluarga.
- 6.7 Ketika istiadat pengurniaan bakal penerima darjah atau pingat dibenarkan memakai semua darjah dan pingat yang telah diterima.
- 6.8 Darjah, kalung, kain selempang dan pingat asing tidak dipakai dalam istiadat Johor, melainkan ada titah perkenan.

7. CARA PENULISAN BAGI DARJAH DAN PINGAT YANG DITERIMA

- 7.1 Darjah SPMJ, SSIJ, SMIJ; apabila dinaikkan pangkat, hanya ditulis yang tertinggi sahaja, (tidak perlu ditulis semua yang diterima).

Contoh :

Penerima sebelum ini menerima Darjah SMJ, setelah itu penerima dikurniakan DPMJ, hanya perlu menulis DPMJ sahaja tidak perlu ditulis SMJ. Jika penerima DPMJ tersebut selepas itu dikurniakan SPMJ, hanya perlu ditulis SPMJ sahaja tidak perlu ditulis lagi DPMJ tersebut.

7.2 Mengikut peraturan yang lazim digunakan semenjak penzahirannya penerima Pingat PIS I dan PIS II sahaja boleh menulis ejaan ringkas PIS selepas nama mereka. Penerima Pingat PIS III tidak boleh menulis ejaan ringkas selepas nama mereka. Peraturan ini juga digunakan kepada Pingat Sultan Ibrahim Johor (PSI) dan Bintang Sultan Ismail (BSI).

7.3 Tidak perlu ditulis pangkat pingat selepas nama penerima.

8. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Am ini berkuatkuasa serta merta.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DATO' DR. HAJI AZMI BIN ROHANI)

Setiausaha Kerajaan

Johor

Tarikh: 16 November 2023